**Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd**
(100995-U)
Persiaran Kuala Selangor,
Seksyen 26, 40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**T (+603) 5102 6000**
**F (+603) 5191 9120**

PROTON

# Siaran Akhbar

## PASUKAN PROTON R3 UMUM PENCARIAN PELUMBA WANITA DAN PROGRAM MENTOR

- **Pasukan wanita akan bersaing di S1K 2019 menggunakan kereta lumba PROTON R3**
- **Pasukan terpilih yang memandu kereta-kereta PROTON di MSF akan dibimbing oleh PROTON R3**

**Subang Jaya, 22 Ogos 2019** – Pasukan PROTON R3 (R3) di bawah divisyen perlumbaan PROTON, mengumumkan pencarian pelumba-pelumba wanita serta program mentor untuk satu pasukan perlumbaan yang akan bersaing di dalam siri Malaysia Speed Festival (MSF). Program ini mendapat kerjasama MSF yang merupakan acara sukan permotoran terbesar di Malaysia. Kedua-dua program ini bermatlamat untuk membangunkan sukan permotoran di peringkat akar umbi dengan memanfaatkan kelebihan pengalaman dari pasukan R3 yang telah lama berkecimpung di dalam pelbagai acara perlumbaan.

**Menyumbang kembali kepada komuniti perlumbaan Malaysia**

R3 adalah satu-satunya pengeluar yang menyokong pasukan perlumbaan di Malaysia dan dengan pengalaman selama lebih 15 tahun, pasukan prestasi PROTON ini mempunyai reputasinya yang tersendiri. Kejayaan mereka ditonjolkan melalui kemenangan dalam Kejohanan Rali Asia Pasifik (APRC) dan di Kejohanan Rali Dunia (WRC). Bagi dalam negara pula, pasukan ini secara keseluruhannya mencatatkan dua kemenangan di dalam Merdeka Millennium Endurance (MME) serta empat kemenangan di Sepang 1000KM (S1K), rekod yang tidak dapat ditandingi oleh jenama automotif lain.

Dengan pelbagai kemenangan yang dimiliki, R3 kini berharap agar dapat berkongsi pengalamannya melalui Pencarian Pelumba Wanita MSF-R3 serta Program Mentor MSF-R3. Tujuan program ini adalah untuk membolehkan pemandu dan pasukan perlumbaan Malaysia mendapat akses kepada pelbagai maklumat, pengurusan pasukan dan teknik pembangunan kereta yang akan membantu meningkatkan prestasi mereka dan seterusnya membawa mereka agar lebih cemerlang di peringkat kebangsaan. Ini juga merupakan peluang untuk mencari pelumba wanita yang berbakat dan mengembangkan karier mereka dengan membuka ruang kepada mereka masuk di bidang yang didominasikan oleh lelaki.

**Meletakkan wanita di sebalik stereng dan membimbing pasukan perlumbaan**

Meskipun Malaysia mempunyai ramai pemandu perlumbaan bersaing di pelbagai acara di peringkat serantau dan antarabangsa, hampir kesemuanya adalah pemandu lelaki. PROTON dan R3 ingin mengubah naratif tersebut dan memberi pemandu wanita peluang untuk menyerlah di dalam sukan permotoran dan dengan itu tercetusnya idea Pencarian Pelumba Wanita MSF-R3.

Dari kesemua peserta, tiga daripada mereka akan diberi peluang untuk berkembang sebagai pemandu perlumbaan dan turut serta di perlumbaan S1K tahun 2019, memandu sebuah jentera yang dipersiapkan oleh Pasukan PROTON R3. Pemilihan adalah berdasarkan prestasi peserta dalam satu siri aktiviti memandu di luar dan dalam litar serta turut dinilai dari tahap disiplin, kerja berpasukan dan komitmen selain dari kemahiran mereka di sebalik stereng.

**PASUKAN PROTON R3 UMUM PENCARIAN PELUMBA WANITA DAN PROGRAM MENTOR**

Bagi program mentor pula, pemandu dan pasukan terpilih yang bersaing di dalam perlumbaan MSF SuperTurismo menggunakan kereta-kereta Proton akan dibantu oleh kakitangan Pasukan PROTON R3 untuk tiga lagi acara perlumbaan tahun ini. Walaupun setiap pasukan perlu melakukan persiapan sendiri pasukan R3 akan menyediakan ilmu teknikal kepada pasukan sebelum dan semasa perlumbaan, agar dapat meningkatkan prestasi mereka dan mengekalkan etika industri terbaik.

"Pasukan PROTON R3 mahir dengan pelbagai pengetahuan kerana pengalaman kami yang telah lama terlibat dalam bidang perlumbaan. Pada masa yang sama, kami mahu lebih penglibatan dari peringkat akar umbi kerana kami merasakan bahawa PROTON dan R3 perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan sukan permotoran di Malaysia. Kedua-dua program ini akan membolehkan kami terlibat dalam dua acara secara serentak disamping dapat membuktikan keupayaan kereta Proton untuk bersaing di dalam perlumbaan," kata Gary Lee, ketua Pasukan Proton R3.

"Di PROTON, kami menghargai budaya persaingan dan sedar bahawa kereta kami masih menjadi pilihan di semua peringkat perlumbaan. Kami melabur untuk bersaing dalam acara tempatan dan antarabangsa kerana kami percaya bahawa sukan permotoran adalah tempat yang sesuai untuk melahirkan seorang jurutera terbaik. Pencarian pelumba wanita dan program mentor ini hanyalah permulaan dan kami berharap usaha ini akan mendorong lebih banyak penglibatan syarikat-syarikat automotif lain untuk menaikkan lagi perlumbaan tempatan," kata Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

**Pemandu dan pasukan terpilih bagi pelumba Program Mentor MSF-R3:**
Mohd Hafiz Saad #248
Nik Shahrul Fadli Nik Mansor #141
Alban Raymond De Sauza #16
Muhammad Faishal Bin Othman #180
Md. Shah Hashim #387

**Peserta Pencarian Pelumba Wanita MSF-R3:**
Ng Aik Sha
Samanda Lee
Nurul Husna Nasharuddin
Nursharina Nor Ramlle
Dayangku Faratiwan Adnil
Rozana Rahmat
Umi Nasirah Sulaiman
Zaidah Mohd Ishak
Nor Azirah Mohd Azhar

Tamat -

**PASUKAN PROTON R3 UMUM PENCARIAN PELUMBA WANITA DAN PROGRAM MENTOR**

## Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5-Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari http://www.proton.com.

**Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:**
**Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON**

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaldin di hp 011-2885 4300/ tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com